

02/06/1997

Kurikulum baru ubah pendidikan Islam Johor

Mohamed Noordeen Mukri

PENDIDIDIKAN Islam di Johor telah mula mengalami perubahan bagi memartabatkan lagi syiar Islam.

Meskipun perubahan itu melalui tempoh yang panjang, sekurang-kurangnya ia sudah berubah dengan wujudnya Kurikulum Baru Sekolah Agama Johor (KBSAJ) bermula pada 1994 bagi darjah satu dan dua.

Tahun lalu perubahan ini dibuat bagi darjah tiga, manakala tahun ini pula bagi darjah empat dan menyusul di tahun depan bagi darjah lima, tahun 1999 bagi darjah enam dan seterusnya tahun 2000 bagi darjah khas. Sebanyak 615 sekolah sesi pagi dan petang terbabit di dalam program ini.

Mengimbas kembali sejarah perkembangan sekolah agama di Johor, bermula dengan pendidikan formal pada 1918, dikenali dengan nama Sekolah al-Quran dan pengantarnya bahasa Melayu. Kemudian berubah kepada Sekolah Kitab pada tahun 1920.

Secara berperingkat kemajuan sekolah ini berubah lagi pada 1923 dengan terbentuknya Sistem Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor.

Kebanyakan penempatannya menumpang di sekolah-sekolah kebangsaan.

Keperluan untuk mendapat asas fardu ain dan fardu kifayah di kalangan kanak-kanak Islam semakin meningkat dan pada 1927, diwujudkan darjah enam.

Tiga tahun berikutnya (1930) diadakan pula darjah khas dengan menambah dua mata pelajaran iaitu ilmu perguruan dan pendidikan.

Menjelang 8 Disember 1941, pentadbiran sekolah agama Johor disatukan pentadbirannya di bawah Pengawas Pelajaran Negeri Johor.

Ketika pemerintahan Jepun (1942-1945), pelajaran agama dijadikan satu perkara selain bahasa Jepun dan ditadbir oleh Ketua Pegawai Tentera Jepun.

Setelah Perang Dunia Kedua tamat, sekolah agama diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ).

Begitu juga dengan pendidikan Islam yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Arab, diajar secara formal pada 1914 di Johor Bahru.

Bermula dengan Kuliah Al-Attas Al-Arabiah, kemudian diikuti dengan penubuhan sekolah-sekolah Arab yang lain.

Aliran ini tidak mengalami perubahan besar kerana kedudukannya sebagai Sekolah Rakyat.

Namun demikian pada 1960, ia mula berubah apabila wujudnya Maahad Johor di bawah pentadbiran JAIJ.

Kedudukan Sekolah Agama dan Arab tidak banyak menerima perkembangan baru, telah mendorong golongan cendekiawan dan tokoh agama menyuarakan pandangan secara rasmi terhadap status sekolah ini. Keadaan ini juga membabitkan golongan pelajar serta masa depan mereka, lebih-lebih lagi dalam era kebangkitan Islam dalam tahun 1970-an.

Kesatuan Pelajar Islam Johor dan guru Sekolah Arab Negeri Johor telah merangka kertas kerja ke arah membina Pusat Pengajian Islam pada 1971.

Ekoran itu, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pelajaran Agama Negeri Johor ditubuhkan pada tahun 1974.

Pada 1980, Pusat Penyelidikan Islam di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur telah menyiapkan laporan kedudukan Sekolah-Sekolah Agama dan Arab. Kemudian disusuli Seminar Pendidikan Kearah Pengajian Tinggi Agama Islam Negeri Johor anjuran JAIJ pada 1981.

Dalam seminar ini, satu resolusi dibuat meminta kerajaan negeri Johor meningkatkan lagi tahap pengajian, pendidikan dan pelajaran agama Islam menerusi sistem pendidikan Islam bersepadu.

Penyelarasan semua mata pelajaran perlu (agama dan akademik) sepenuh

masa dibuat dalam satu sesi iaitu tiada pengasingan masa belajar di antara kedua jenis mata pelajaran.

Resolusi ini kemudiannya dijadikan panduan oleh JAIJ dalam perancangan dan pelaksanaan ke arah perubahan yang sewajarnya.

Walaupun resolusi ini tidak menyentuh perubahan kurikulum, pihak jabatan ini telah memikirkan betapa pentingnya penggubalan kurikulum baru untuk memastikan kejayaan pendidikan Islam itu nanti.

Antara faktor utama penggubalan kurikulum ini ialah memperkukuhkan lagi peranan terhadap pembinaan generasi yang beriman, berilmu dan beramal salih bagi memikul amanah terhadap agama, bangsa dan negara selain berperanan sebagai hamba dan khalifah Allah.

Faktor kesedaran juga dititikberatkan untuk membentuk seluruh hidup muslim yang mematuhi prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam berteraskan kepada al-Quran, Sunnah dan ijmak ulama.

Ia mencakupi aspek keilmuan, kefahaman dan ke arah penghayatan Islam.

Kini, pendidikan agama Islam di Johor telah mengorak langkah menuju ke era baru dengan mewujudkan KBSAJ dengan harapan menaikkan imej, identiti dan status pendidikan.

KBSAJ sudah dilaksanakan secara berperingkat di seluruh Sekolah Agama Negeri Johor membuktikan kerajaan Johor sentiasa prihatin terhadap bidang pendidikan agama.

Justeru, bagi memenuhi saranan daripada pelbagai pihak KBSAJ sedia mendokong cita-cita unggul dan murni selaras dengan falsafah serta objektif pendidikan negara.

Falsafah ini juga menjadi wahana yang dinamik bagi membentuk insan kamil dan syumul secara berimbang yang berteraskan kepada prinsip akidah, syariat dan akhlak.

Sumber rujukannya ialah al-Quran, Sunnah dan ijmak ulama.

Prosesnya melalui keilmuan, pendidikan dan disiplin tinggi yang berterusan bagi menyubur kesegaran jiwa, akal, emosi dan jasmani sehingga jiwa kehambaan yang jitu dalam pelbagai kekuatan menjadi pemangkin kepada peranan insan selaku khalifah membina kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Antara objektif KBSAJ ialah menyediakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam kepada umat Islam untuk mempelajari serta mengamalkan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.

Di samping meningkatkan kefahaman Islam ke peringkat tertinggi terutama membentuk peribadi muslim berakhlak mulia, beriman dan bertakwa kepada Allah.

Menurut sumber Bahagian Pendidikan Agama Johor, penggubalan KBSAJ ini bagi menyesuaikan pengajaran dan pembelajaran melalui penyusunan semula kandungan, pendekatan dan kaedah yang menepati keperluan semasa.

Bahkan ia dapat membina landasan bersepadu dalam konteks penyusunan semula arah tuju persekolahan agama seiring dengan pendidikan Islam dan negara sebagaimana sistem pendidikan sekolah menengah agama.

Beberapa usaha telah dilakukan bagi mewujudkan kurikulum bersepadu bagi meninggikan taraf pendidikan agama Islam.

Komitmen daripada pelbagai pihak terutama kerajaan negeri Johor dan JAIJ dengan Bahagian Pendidikan Agama patut diteruskan untuk membuat sesuatu perubahan baru ke arah memantapkan lagi pendidikan Islam.

Selama ini kitab-kitab dan alat bantu belajar yang digunakan kurang menarik minat pelajar.

Malah Kitab Mutalbadrin yang dijadikan buku utama dalam pengajaran ilmu Fikah kurang difahami oleh kebanyakan pelajar.

Bahkan jalan bahasa dan ejaan klasik menyebabkan pelajar terasa janggal dan buntu untuk mengikutinya.

Begitu juga dengan kitab-kitab lain seperti Tauhid, Tasauf, Tajwid, Adab dan sebagainya mempunyai tata bahasa, struktur ayat dan ejaan lama yang

tidak mudah difahami pelajar malah guru yang mengajar.

Pemahaman ke atas kitab berkenaan hanya mampu dilakukan oleh guru lama yang kebanyakan telah bersara atau meninggal dunia.

Bagi mengatasi masalah ini dan untuk menarik minat pelajar, perubahan buku-buku teks atau kitab-kitab yang digunakan telah disesuaikan dari segi bahasa, format, teknik dan diselitkan dengan ilustrasi bagi mempermudah pelajar memahami mata pelajaran yang diikuti.

Langkah ini juga membantu pihak guru menjayakan objektif pendidikan Islam supaya lebih berkesan.

Menerusi dasar penggubalan KBSAJ ini, mutu pendidikan Islam boleh mencapai matlamat sekiranya semua pihak terbabit sama ada pelajar, guru, ibu bapa dan pentadbir menjalin hubungan erat dalam usaha untuk membantu meningkatkan pendidikan Islam. Teguran, pandangan dan kritikan patut diteliti secara positif bagi memastikan pendidikan Islam dapat berkembang pesat sejajar dengan tuntutan ummah kini.

Selain itu, pihak JAIJ sewajarnya membangunkan sistem pendidikan yang lebih canggih melalui penggunaan peralatan teknologi maklumat.

Perubahan ini perlu dibuat bagi menentukan era sekolah bestari di sekolah rendah dan menengah telah pun berada di peringkat pelaksanaan menjadi model kepada sekolah agama Johor untuk dipraktikkan.

Sudah tiba masanya, pihak JAIJ turut serta dalam era perubahan teknologi maklumat di dalam sistem pendidikan Islam tanpa melengahkan peluang yang ada di depan mata.

Jika ini dapat dilakukan, tentu menaikkan imej golongan pendidik di sekolah agama kerana mampu menyaingi perkembangan baru di sekolah rendah/ menengah dan sekali gus menepati falsafah pendidikan negara.

Adalah dikhuatiri, bila masyarakat Malaysia lebih tertumpu kepada penggunaan teknologi maklumat/komunikasi dengan terbinanya Koridor Raya Multi media (MSC) sistem pendidikan agama di Johor masih di takuk lama.

KBSAJ yang diperkenalkan ini pun agak terkial-kial untuk dilaksanakan.

Pihak berkuasa JAIJ patut menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar setiap warganegara Malaysia turut sama di dalam era perkembangan teknologi maklumat.

Pastinya sebagai sebuah badan kerajaan, ia tidak melengahkan masa merebut peluang beralih ke era teknologi maklumat.

Faktor penting ke arah perubahan ini ialah memberi peluang kepada guru agama mempelajari selok-belok peralatan canggih itu.

Sewajarnya mereka diberi peluang seperti yang di beri kepada guru di bawah Kementerian Pendidikan dengan menghantar ke pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Tujuannya murni iaitu bagi menambah ilmu di samping dapat mempertingkatkan keilmuan Islam yang lebih mencabar dan sophisticated.

Kursus-kursus jangka pendek/panjang di dalam mempelajari peralatan teknologi maklumat patut di wujudkan bagi memberi pendedahan selain dimanfaatkan di dalam mendapat sumber ilmu atau bahan rujukan seperti penggunaan homepage, Internet, E-Mail, software dan sebagainya.

Bahkan kebolehan dan kecekapan dalam mempergunakan peralatan canggih ini menjadi alat bantu guru di dalam pengajaran dan pembelajaran.

Melalui kaedah moden dan terkini mampu menarik minat pelajar untuk mengikuti pendidikan Islam kerana pelajar zaman era teknologi maklumat mahukan pendekatan terbaik.

Maka pandangan umum melihat pendidikan Islam boleh maju dengan setiap masa, era dan zaman.

Jangan biarkan pelajar lebih cekap menguasai ilmu daripada guru yang mengajar melalui kemudahan teknologi maklumat.

Banyak sumber yang boleh dimanfaatkan daripada penggunaan Internet misalnya bagi mendapatkan ilmu dari segenap pelusuk dunia.

Jika guru mampu mengendalikan dan mengguna peralatan teknologi maklumat secara optima maka hubungan secara interaktif boleh dilakukan. Malah guru boleh membuat hompej untuk memuatkan pengetahuannya.

Manakala untuk mendapat rujukan tidak menjadi masalah sekiranya ia pandal menggunakan secara positif.

Tidaklah ada gangguan fobia di kalangan guru agama misalnya apabila berhadapan dengan komputer sehingga janggal pada pandangan pelajar.

Sementara itu, penyebaran ilmu-ilmu Islam dan peranan dakwah dapat dilakukan melalui teknologi canggih itu.

Era globalisasi dan alaf baru masakini menuntut sama masyarakat Islam terutama golongan intelek ulama dan guru agama yang terbabit dalam meneruskan kesinambungan dakwah Islamiyah.

Minat dan peka terhadap keperluan semasa membolehkan Islam berkembang pesat sejajar matlamat Wawasan 2020 dan seterusnya turut berada di hadapan bersama kemajuan yang dicapai.

Kesimpulannya, perubahan baru KBPAJ amat bermakna dan disanjung.

Meskipun proses pelaksanaannya melalui masa yang agak lama sejak tahun 70-an perancangan dibuat dan kini berubah namun pentadbiran baru dilihat lebih berdinamik untuk merealisasikan.

Segala kemungkinan lalu dalam menghadapi pelbagai karenah birokrasi yang menyukarkan untuk mengimplimentasikan segala idea dan program mesti diselesaikan dengan jiwa berani.

Idea yang konsisten dan iltizam yang kukuh berserta keyakinan sanggup bersaing melawan arus perubahan bukannya suatu dosa atau bidaah dalalah malah digalakkan dalam Islam.

Namun masih belum terlambat bagi pihak terbabit melakukan sesuatu yang terbaik agar kegemilangan Islam kembali berada di puncak bagaimana perjuangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang dikagumi masyarakat seluruh dunia.

Apa yang penting ialah kesanggupan pihak JAIJ untuk terus memajukan pendidikan Islam di negeri Johor amat disanjung.

Kemampuan jabatan ini menjanakan ilmu keislaman melalui Bahagian Pendidikan di dalam menempa ke sejagatan ilmu menerusi penggunaan teknologi maklumat, pastinya perkembangan syiar Islam di Negeri Johor semakin menyinar dan meletakkan nama Malaysia di persada kecemerlangan.

(END)